



## SIARAN AKHBAR

### MESIN DEPOSIT DUIT SYILING

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dengan sukacita ingin memaklumkan bahawa satu (1) buah mesin deposit duit syiling telah ditempatkan di ruang legar Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, bermula pada hari Khamis , 10 Safar 1438 bersamaan dengan 10 November 2016 .
2. Mesin ini adalah merupakan mesin deposit duit syiling yang pertama kali pernah diperkenalkan di Negara Brunei Darussalam. Tujuan utama memperkenalkan mesin ini adalah untuk memberikan perkhidmatan pemulangan duit syiling ke AMBD.
3. Orang ramai adalah dialu-alukan untuk menggunakan mesin ini bagi mengembalikan duit-duit syiling Negara Brunei Darussalam dalam denominasi 1 sen, 5 sen, 10 sen, 20 sen dan 50 sen.
4. Mesin deposit duit syiling layan sendiri ini merupakan mesin yang boleh digunakan oleh orang ramai dengan mudah serta ringkas, dan tanpa dikenakan sebarang caj perkhidmatan.
5. Orang ramai yang hendak menggunakan mesin ini, diingatkan untuk membawa salinan kad pengenalan dan salinan penyata bank/ buku akaun semasa membuat transaksi bagi tujuan pengesahan diri dan pembayaran balik. Tempoh pemprosesan akan memakan masa 7 hari waktu bekerja dan ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat.
6. Waktu operasi bagi mesin ini adalah seperti berikut:

HARI	PAGI	PETANG
Isnin - Khamis	8.30 – 11.00	2.00 – 4.00
Jumaat	8.30 – 10.00	Tutup
Sabtu, Ahad dan Hari Kelepasan Awam	Tutup	

7. AMBD juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada masa ini mesin deposit duit syiling ini adalah masih dalam tempoh percubaan. Untuk maklumat lanjut mengenai mesin ini, sila hubungi Unit Pengurusan Matawang di talian 2382186 atau melalui emel [info@ambd.gov.bn](mailto:info@ambd.gov.bn).

#### **Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 18 Safar 1438/ 18 November 2016

Rujukan: AMBD/COMMS/3